

**UCAPAN
YANG BERHORMAT
DATIN SERI PADUKA HAJAH HAYATI
BINTI POKSDSP HAJI MOHD SALLEH
PEGUAM NEGARA**

**PEMBUKAAN TAHUN UNDANG-UNDANG 2013
KHAMIS, 14 MAC 2013**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Selamat Pagi

Yang Amat Arif Ketua Hakim, Yang Amat Arif Ketua Hakim Syarie, Yang Arif Hakim-Hakim, Presiden Persatuan Undang-Undang Negara Brunei Darussalam, Para Peguam, Tetamu-Tetamu, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian.

Pendahuluan

Yang Amat Arif

Alhamdulillah, dengan bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat-Nya jua membolehkan kita semua sekali lagi pada

pagi ini berkumpul di bangunan bersejarah ini, untuk menyaksikan tradisi penting undang-undang, dan untuk memperbaharui ikrar kita untuk bekerjasama dan saling bantu-membantu, dalam melaksanakan dengan cekap jentera keadilan kita dan untuk mendukung Kedaulatan Undang-Undang bagi keamanan, kemakmuran dan kestabilan Negara Brunei Darussalam. Sesungguhnya, kita semua beruntung kerana legasi yang ditinggalkan oleh kebanyakan orang terdahulu sebelum kita. Keutamaan kita adalah untuk memastikan kesinambungan dan membuat persediaan bagi generasi penerus.

{Yang Amat Arif, Pejabat Peguam Negara turut sama dengan Yang Amat Arif dan para peguam

menyampaikan ucapan takziah atas kembalinya ke rahmatullah mantan Ketua Hakim, Allahyarham Dato Seri Paduka Mohammed Saied. Mudah-mudahan Allah Subhanahu Wata'ala mencucuri rahmat dan hidayahNya ke atas roh Allahyarham.}

Tahniah/Penghargaan

Yang Amat Arif, dengan gembiranya, Pejabat Peguam Negara ingin mengucapkan tahniah kepada Puan Naimah Md Ali, atas pelantikan dan pertukaran beliau daripada Jabatan Perdana Menteri untuk menjadi Peguamcara Negara pada 26^{hb} Jun 2012. Bagi diri saya, saya mengalu-alukan beliau kembali ke Pejabat Peguam Negara kerana saya yakin dengan pengalaman beliau yang banyak, dedikasi yang tidak ternilai, kerendahan diri yang sentiasa

beliau tunjukkan bahawa saya akan mendapat sokongan kuat bagi mencapai visi dan misi Pejabat Peguam Negara dalam memberikan perkhidmatan undang-undang berkualiti tinggi kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Saya yakin Peguamcara Negara dengan sokongan pegawai-pegawai kanan lain akan terus memimpin dan membimbing pegawai-pegawai baru Pejabat Peguam Negara. Ini amat penting kerana mereka adalah masa hadapan kita!

Pejabat Peguam Negara juga gembira mengumumkan dalam tahun 2012 kita telah mengambil berkhidmat 5 orang pegawai baru yang telah menunjukkan potensi besar. Saya bangga

mengatakan salah seorang daripada mereka adalah lulusan Undang-Undang Syariah dari Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Negara Brunei Darussalam.

Pejabat Peguam Negara menyaksikan beberapa orang pegawai lagi yang berpindah pejabat dan menamatkan perkhidmatan. Kita ingin mengucapkan terima kasih atas sumbangan mereka dan selamat maju jaya dalam usaha mereka pada masa hadapan. Seperti dalam mana-mana organisasi, pertukaran/ penamatan perkhidmatan akan terus menimbulkan cabaran terhadap aspirasi dan Rancangan Penggantian Pejabat Peguam Negara. Walau bagaimanapun, saya tetap rendah diri dan sangat-sangat berterima kasih atas sokongan yang tidak terhingga banyaknya, komitmen yang ditunjukkan

oleh pegawai-pegawai yang ada untuk mengatasi cabaran-cabaran dan terus bergerak ke hadapan dengan cara positif. Saya juga yakin, dengan memberikan bimbingan, latihan, pendedahan dan pengiktirafan yang berterusan, masih banyak terdapat pegawai yang berbakat dan berpotensi di Pejabat Peguam Negara yang boleh dibanggakan oleh Negara Brunei Darussalam. In Shaa Allah.

Inisiatif

Yang Amat Arif

Izinkan saya sekarang ini menyebut beberapa inisiatif penting yang diambil oleh Pejabat Peguam Negara. Saya gembira mengumumkan pada awal tahun ini Pejabat Peguam Negara telah melancarkan 3 terbitan.

Pertama, Buku Panduan mengenai Arahan Penggubalan

Buku Panduan ini memberikan beberapa maklumat am mengenai tujuan, bentuk dan kandungan arahan penggubalan dan menyediakan senarai semak bagi perkara-perkara yang perlu dipertimbangkan. Buku panduan ini adalah susulan kepada garis panduan yang dahulunya dikeluarkan oleh Pejabat Peguam Negara kepada Kementerian-Kementerian dan jabatan-jabatan semasa Yang Amat Arif menyandang jawatan Peguam Negara.

Adalah diharapkan Buku Panduan ini akan menjelaskan peranan dan cabaran yang dihadapi oleh Pejabat Peguam Negara dalam penggubalan undang-undang. Pejabat Peguam Negara bertindak

sebagai pengambil inisiatif dan pemudah cara kepada agensi-agensi yang berkaitan dalam penggubalan undang-undang tetapi adalah penting bagi agensi-agensi kerajaan yang berkaitan untuk menganalisis dan memutuskan faktor-faktor yang akan mempunyai kesan dan impak ke atas dasar-dasar yang diputuskan sebelum penggubalan undang-undang bermula di Pejabat Peguam Negara. Bagi mereka yang tidak berpeluang untuk mendapatkan Buku Panduan itu, mereka bolehlah mendapatkannya (secara percuma) dalam talian di laman web Pejabat Peguam Negara.

Sebagai susulan Pejabat Peguam Negara akan memulakan satu siri ceramah kepada Kementerian-Kementerian dan jabatan-jabatan yang berkenaan

untuk membantu mereka memahami proses penggubalan undang-undang di Negara Brunei Darussalam. Saya amat berbesar hati atas maklum balas baik yang telah saya terima daripada pelbagai Kementerian dan Jabatan, terhadap inisiatif ini.

Untuk menjadikannya lebih berkesan, dan menjimatkan masa, Pejabat Peguam Negara juga berharap untuk mendapatkan sistem yang sama digunakan di Singapura, Sistem LEAPS. LEAPS adalah alat elektronik untuk menggubal dan menyiarkan undang-undang dalam Pangkalan Data Undang-Undang versi baru mereka. Pejabat Peguam Negara akan menghantar sekumpulan ahli Jawatankuasa Projek BrulLaw pada tahun ini untuk membuat lawatan sambil belajar ke Singapura dan

establismen lain bagi menjalankan analisis kes ke atas sistem LEAP. Ini adalah sebagai sebahagian dari proses untuk mendapatkan butir-butir teknikal projek itu bagi tujuan pengemukaan projek itu dan kehendak pengguna kepada EGNC untuk diendors.

Inisiatif Kedua: Pengurusan Kes Jenayah

Dalam Ucapan Tahun Undang-Undang saya pada tahun lepas, saya juga telah menyebut penubuhan jawatankuasa kerja yang diketuai oleh seorang pegawai kanan daripada Pejabat Peguam Negara ke arah pengurusan kes-kes jenayah dengan lebih berkesan. Dalam hal ini saya gembira mengumumkan projek Perundingan Kes Jenayah yakni *Criminal Case Negotiation* (CCN) telah bermula pada Januari 2013 dan diikuti dengan pelancaran

CCN pada 19^{hb} Januari 2013. Tujuan CCN adalah untuk melaksanakan langkah-langkah ke arah penyelesaian awal kes dan mengurangkan pembaziran masa kehakiman termasuk pendedahan kes jenayah dan prosedur tawar-menawar pengakuan. CCN adalah untuk memformalkan amalan yang telah digunakan oleh pihak pendakwaan dengan kerjasama agensi-agensi penguatkuasaan serta pengamal undang-undang dalam usaha untuk mempercepatkan penyelesaian awal kes-kes jenayah. CCN akan menjadikan amalan tersebut lebih telus dan konsisten. Pejabat Peguam Negara juga berharap dengan pengiktirafan dan usaha memformalkan CCN oleh Pejabat Peguam Negara akan membantu dan menyokong keprihatinan Yang Amat Arif bagi penyelesaian awal kes-kes. Inisiatif ini

juga bertujuan untuk menyokong Jabatan Kehakiman Negara dalam melaksanakan “Sistem Pengurusan E-Kes” Jabatan tersebut untuk meningkatkan keberkesanan dan produktiviti pengurusan kes di mahkamah. Pejabat Peguam Negara sangat-sangat berterima kasih atas sokongan daripada Jabatan Kehakiman, agensi-agensi penguatkuasaan, Persatuan Undang-Undang dan pengamal undang-undang jenayah dan saya yakin jika kita semua terus bersatu dalam hasrat hendak meningkatkan keberkesanan sistem keadilan jenayah di Negara Brunei Darussalam, keyakinan orang ramai akan bertambah.

Yang Amat Arif

Sebagai langkah lanjut ke arah penyelesaian awal kes, saya dengan rendah diri ingin mencadangkan supaya kita meneliti kemungkinan untuk meminda Kanun Peraturan Jenayah dengan peruntukan membuat pengakuan salah secara bersurat atau media lain dan pembayaran denda secara elektronik bagi kesalahan-kesalahan yang bersesuaian. Perkara ini sedang diamalkan di sesetengah bidang kuasa. Pejabat Peguam Negara bersedia untuk menimbangkan perkara ini dengan sokongan daripada Jabatan Kehakiman dan jika Yang Amat Arif menyambut baik cadangan ini, izinkan saya mencadangkan penubuhan Jawatankuasa Kerja yang terdiri daripada Pejabat Peguam Negara dan Jabatan Kehakiman serta agensi-agensi lain yang berkaitan.

Inisiatif Ketiga: Siri Triti Negara Brunei Darussalam.

Pada tahun ini, Pejabat Peguam Negara berbangga kerana telah dapat melancarkan satu lagi terbitan iaitu Siri Triti Negara Brunei Darussalam. Tujuannya adalah sebagai sumber bermanfaat bukan sahaja kepada pengamal-pengamal dalam undang-undang antarabangsa, tetapi juga kepada pembuat dasar, peguam-peguam, ahli akademik malahan pelajar. Siri Triti Negara Brunei Darussalam adalah himpunan semua triti pelbagai hala yang telah diratifikasi atau disertai oleh Negara Brunei Darussalam. Penerbitan dalam peringkat akhir dan bagi edisi pertama Pejabat Peguam Negara berharap untuk menjual himpunan perjanjian-perjanjian mengenai Pemberantasan Keganasan, Undang-

Undang Laut dan Maritim dan juga Harta Intelek. Seperti dalam mana-mana siri terbitan, Siri Triterbitan Negara Brunei Darussalam akan dikemaskini dan diimprovisasi dari semasa ke semasa untuk memastikan bahawa ia terus menjadi sumber yang relevan dan berguna.

Sehubungan dengan ini, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Dyg Alice Khan, Penggubal Undang-Undang, Awang Hj Mohd Yusree Hj Junaidi, Penolong Peguamcara Negara, Dyg Hjh Norhashimah Hj Mohd Taib, Penolong Peguamcara Negara dan Ketua Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa dan Harta Intelek dan Bahagian Tanda-Tanda Perniagaan, Dyg Aldila Hj Mohd Salleh, Ketua Penasihat Undang-Undang and Ketua Bahagian

Keadilan Jenayah, Dyg Hjh Hassanah Hj Hassan dan Dyg Hjh Hasnah Hassan, Timbalan Penasihat Undang-Undang Kanan dan semua pegawai dan kakitangan lain yang memainkan peranan penting sehingga terhasilnya terbitan-terbitan di atas. Kita juga sangat-sangat berterima kasih kepada Jabatan Percetakan atas bantuan mereka yang tidak ternilai.

TEKNOLOGI MAKLUMAT

Dalam ucapan saya pada tahun lepas, saya ada menyebut Pejabat Peguam Negara sedang dalam proses mendapatkan sistem pengurusan maklumat undang-undang. Sistem ini berdasarkan kepada sistem pengurusan undang-undang Singapura yang dipanggil ELMS.

Saya gembira mengumumkan Pejabat Peguam Negara telah memulakan satu sistem aplikasi pengurusan fail mengikut keadaan yang direka untuk memudahkan proses kerja dalaman dan membolehkan pengguna-pengguna di Pejabat Peguam Negara untuk menjalankan tugas-tugas rutin dengan lebih cekap dan berkesan.

Fasa pertama sistem ini adalah untuk menghasilkan 3 aplikasi aliran kerja dan satu fungsi seperti berikut –

- (i) Aliran Kerja Pengurusan Fail –
mengendalikan pendaftaran dan pengurusan surat-menyurat di seluruh Pejabat Peguam Negara

(ii) Aliran Kerja Pengurusan Pendakwaan –
mengendalikan pendaftaran dan pengurusan
kertas-kertas penyiasatan daripada agensi-
agensi penguatkuasaan sehingga kes/fail-fail
ditutup

(iii) Aliran Kerja Pengurusan Kutipan Hutang –
mengendalikan pendaftaran dan pengurusan
tuntutan-tuntutan sivil daripada agensi-agensi
Kerajaan sehingga tuntutan-tuntutan
selesai/ditutup

(iv) Penjanaan Laporan dan Statistik

Kontrak telah ditandatangani pada 16 Januari
2013 dan sekarang ini dalam peringkat pelaksanaan.

Pejabat Peguam Negara berharap untuk

menggunakan sistem itu dalam tempoh stabilisasi seawall-awalnya pertengahan bulan Februari 2014.

Yang Amat Arif

Muzakarah/aktiviti-aktiviti

Di samping banyak perkara yang dirujukkan kepada pelbagai Bahagian, saya juga gembira memaklumkan Pejabat Peguam Negara terus dan akan terus mengadakan muzakarah, dialog atau forum dengan Kementerian-Kementerian, jabatan-jabatan dan agensi-agensi yang berkaitan sebagai sebahagian dari program mendekati masyarakat untuk memberikan pemahaman yang lebih baik lagi mengenai peranan Pejabat Peguam Negara dan untuk memberikan forum yang berguna bagi pelbagai wakil daripada Kementerian-Kementerian dan agensi-

agensi kerajaan yang berkaitan untuk saling membincangkan cara-cara melaksanakan peranan kita masing-masing dengan lebih berkesan lagi.

Bahagian Sivil juga telah menganjurkan beberapa sesi muzakarah (dialog) dan taklimat berhubung dengan pengurusan kontrak dan kutipan hutang yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran Kementerian-Kementerian dan tanggungjawab-tanggungjawab dan kuasa perundangan jabatan, bagi mengurangkan bilangan kes hutang. Kes-kes kutipan hutang telah meningkat dari 2,982 pada bulan Januari 2011 kepada 4,356 pada bulan Disember 2012, peningkatan sebanyak 42%. Ini boleh dilihat sebagai berpunca dari tindakan jabatan-jabatan Kerajaan yang lebih proaktif dalam

membuat tuntutan wang yang terhutang kepada mereka, dalam bentuk antaranya, bil-bil utiliti yang belum dijelaskan, bayaran perumahan, bayaran bandaran. Melalui berbagai dialog dengan Jabatan-Jabatan yang berkaitan, adalah disarankan supaya kuasa perundangan masing-masing dijalankan oleh jabatan-jabatan untuk membantu bagi mendapatkan balik hutang. Juga berulang kali ditekankan betapa pentingnya menjadi proaktif dan tidak membiarkan hutang berkumpul. Nasihat yang serupa dari perspektif kesihatan "mencegah selalunya lebih baik dan lebih murah daripada mengubati". Kita akan terus bekerja rapat dengan Kementerian-Kementerian yang berkaitan untuk mencari jalan bagi menyelesaikannya.

Yang Amat Arif

Harta Intelekt

Satu lagi peristiwa penting yang boleh dibanggakan oleh Pejabat Peguam Negara adalah perkembangan Harta Intelekt. Perlindungan Harta Intelekt adalah sangat penting untuk menggalakkan kreativiti dan pemacu penting kepada ekonomi. Tahun 2012 menyaksikan langkah-langkah penting yang diambil oleh Negara Brunei Darussalam bagi perlindungan harta intelek dengan berkesan misalnya:

1. Penubuhan Pejabat Pendaftar Paten, juga dikenali sebagai PRO, di bawah Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei

2. Sambutan Hari Harta Intelek Sedunia pada 26^{hb} April yang dianjurkan oleh Pejabat Peguam Negara dengan kerjasama BEDB
3. Forum Dasar Negara mengenai industri kreatif yang dianjurkan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
4. Usaha bersungguh-sungguh Jabatan Bandaran dan agensi-agensi penguatkuasaan lain dalam membanteras penjualan CD, DVD cetak rompak dll
5. Beberapa siri kempen kesedaran dalam bentuk latihan, bengkel atau taklimat, yang tidak kendur-kendur dianjurkan oleh Pejabat Peguam Negara, PRO dan agensi-agensi lain
6. Kesertaan Negara Brunei Darussalam dalam Konvensyen Paris mengenai Harta Perindustrian, Titi Kerjasama Paten dan Titi Budapest.

Pejabat Peguam Negara terus menjalankan peranannya dan pada awal tahun ini, dengan kerjasama BEDB dan PRO, telah mengadakan Seminar Konsultasi Serantau mengenai Kesertaan dalam Protokol Madrid. Seminar tersebut dihadiri oleh ejen-ejen tanda perniagaan dan juga perusahaan-perusahaan kecil dan sederhana yakni SMEs dan pengusaha-pengusaha tempatan lain dan bertujuan untuk memberitahu semua pihak yang berkepentingan mengenai peri mustahaknya dan mengapa negara-negara patut menyertai Protokol Madrid. Berdasarkan kepada peringkat peserta-peserta dalam kedua-dua acara tersebut, saya rasa banyak lagi yang perlu dilakukan untuk mewujudkan lebih banyak kesedaran dan untuk mempromosikan dan melindungi harta intelek.

Dalam Seminar Pengenalan BEDB WIPO mengenai Terti Patent dan sistem Budapest yang telah diadakan pada 13hb Julai 2012, saya menggesa semua agensi yang berkaitan untuk mengambil peranan yang aktif dalam mempromosikan harta intelek, sama ada bagi perkembangan perniagaan atau pemeliharaan warisan tradisi dan budaya. Pejabat Peguam Negara juga menggalakkan dan bersedia membantu untuk menyelaraskan dengan semua pihak berkepentingan yang berkaitan ke arah merumuskan strategi IP negara.

Saya juga gembira mengumumkan bahawa dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-

Pertuan Negara Brunei Darussalam, mulai dari 1^{hb} Oktober 2012, Pejabat Pendaftaran Rekabentuk Perindustrian telah berpindah ke BEDB. Rancangan untuk memindahkan Pejabat Pendaftaran Tanda Perniagaan ke BEDB masih dalam pertimbangan pada masa ini. Dengan perkembangan ini saya berharap seruan saya bagi penubuhan Pejabat Harta Intelekt yang bebas dalam ucapan sulung saya sebagai Peguam Negara semasa Tahun Undang-Undang 2010 akan menjadi kenyataan dalam masa terdekat.

Perkembangan Modal Insan

Mengenai perkara perkembangan modal insan yang penting ini, Pejabat Peguam Negara sentiasa berusaha pada meningkatkan kualiti perkhidmatan

undang-undang yang diberikan kepada Kementerian-Kementerian dan jabatan-jabatan Kerajaan. Dalam setiap bidang amalan, pegawai-pegawai Pejabat Peguam Negara juga menghadiri, memberi sumbangan dan mendapat manfaat dari latihan di luar negara. Saya tidak dapat memberi penekanan yang berlebihan terhadap pentingnya perkembangan sumber tenaga manusia dan pembinaan keupayaan. Kita telah meningkatkan usaha untuk melatih, membimbing pegawai-pegawai Pejabat Peguam Negara terutamanya peguam-peguam baru. Peta jalan latihan disediakan bagi setiap pegawai oleh Jawatankuasa Sumber Tenaga Manusia. Sehubungan dengan ini pegawai-pegawai saya telah dihantar untuk menjalani penempatan di kaunterpart kita dan firma-firma guaman yang bereputasi di

Malaysia, Singapura dan Hong Kong. Pejabat Peguam Negara akan terus menghantar lebih ramai pegawai bukan sahaja peguam-peguam tetapi juga pegawai-pegawai sokongan daripada Unit Penterjemahan, Perpustakaan, Penyemak, Arkib dll. sebagai sebahagian dari latihan, kemajuan kerjaya dan rancangan penggantian. Saya sangat berbesar hati kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, Jabatan Perdana Menteri, Kementerian-Kementerian lain yang berkaitan atas sokongan penuh mereka dalam perkara yang penting ini.

Latihan dalaman, berkongsi dan membincangkan isu undang-undang yang mempunyai kepentingan bersama dan pengetahuan yang diperolehi dari

pelbagai latihan di luar negara oleh pakar-pakar, di kalangan pegawai-pegawai dalam Sesi Kongsi dan Bincang yakni *Share and Discuss Sessions* (SDS) juga akan diteruskan. Pejabat Peguam Negara juga telah menjalankan latihan dalaman bagi pendakwa-pendakwa kami sendiri, dan daripada agensi-agensi penguatkuasaan, yang mempunyai hubungan baik dengan Pejabat Peguam Negara.

Selaras dengan Rancangan Strategik Pejabat Peguam Negara untuk melahirkan pakar-pakar dalam beberapa perkara dan bidang amalan yang telah dikenalpasti, saya gembira mengumumkan pada tahun 2012 Pejabat Peguam Negara menyaksikan kepulangan 4 orang pegawai selepas mengambil Sarjana Undang-Undang yakni *Masters of Law* dalam

pelbagai bidang. Saya dengan bangganya mengumumkan seorang pegawai Pejabat Peguam Negara, Dyg Riana Dewi Haji Aji, Timbalan Penasihat Undang-Undang Kanan daripada Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa menerima anugerah *Best Student Prize Queen Mary, University of London*. Sesungguhnya, pencapaian tersebut membanggakan kita dan diharap akan menjadi pendorong kepada pegawai-pegawai lain.

Pada masa ini, 4 orang pegawai daripada Pejabat Peguam Negara kini sedang mengikuti *Masters of Law* di United Kingdom dalam pelbagai bidang undang-undang dan berharap apabila mereka kembali pada tahun ini mereka akan dimasukkan ke dalam kumpulan pakar dalam bidang-bidang yang

telah dikenalpasti oleh Jawatankuasa Sumber Tenaga Manusia.

Satu lagi inisiatif penting Pejabat Peguam Negara adalah untuk mendekati pelajar-pelajar yang sekarang ini mengambil kursus Undang-Undang pada semua peringkat, sama ada pada peringkat ijazah, lepasan ijazah malahan pada peringkat profesional dengan mengadakan taklimat dan Hari Terbuka dan juga mengunjungi mereka di luar negara. Dalam bulan April 2012 semasa membuat lawatan kerja ke beberapa buah institusi undang-undang di United Kingdom, saya berjumpa dengan pelajar-pelajar yang mengambil kursus undang-undang di sana. Pejabat Peguam Negara juga menemui wakil-wakil daripada Kementerian Pendidikan untuk membincangkan mata

pelajaran undang-undang yang diperlukan oleh Pejabat Peguam Negara pada tahun-tahun mendatang dan dalam bulan Oktober 2012, Pejabat Peguam Negara telah mengadakan Hari Terbuka dengan pelajar-pelajar jurusan Undang-Undang. Dengan inisiatif ini saya berharap pelajar-pelajar jurusan undang-undang akan mendapat idea pada amnya mengenai apa yang dapat ditawarkan oleh Pejabat Peguam Negara dan apa yang dijangkakan oleh Pejabat Peguam Negara daripada mereka. Pejabat Peguam Negara juga menerima pelajar-pelajar yang ingin mengambil jurusan undang-undang sebagai profesion mereka bagi menjalani penempatan untuk beberapa tahun. Pejabat Peguam Negara berbangga mengatakan ada di antara pelajar-pelajar ini akan berkhidmat dengan Pejabat Peguam

Negara setelah mereka lulus. Pejabat Peguam Negara akan terus menerima penempatan pelajar-pelajar sebagai sebahagian dari strategi pengambilan. Saya menggalakkan mereka untuk berkhidmat kepada negara dalam profesion yang mulia ini dan membawa profesion dengan contoh teladan dan bekerja untuk negara dengan belas kasihan.

Penghargaan

Akhir sekali, dan tidak kurang pentingnya, saya sangat-sangat berterima kasih kepada semua pegawai dan kakitangan atas komitmen mereka yang berterusan, sokongan, integriti, ketabahan dan kesepakatan dalam usaha kita untuk sama-sama memberikan perkhidmatan yang telah diamanahkan

kepada kita. Saya juga sangat-sangat berterima kasih kepada Kementerian-Kementerian/jabatan-jabatan yang tidak pernah gagal menyampaikan penghargaan mereka kepada Pejabat Peguam Negara apabila sesuatu tugas itu selesai, selalunya, dalam garis masa yang mencabar.

Saya juga mengambil peluang ini bagi pihak semua pegawai di Pejabat Peguam Negara untuk mengulangi sokongan kami yang tidak terhingga banyaknya terhadap tugas Yang Amat Arif dalam melaksanakan keadilan dengan adil dan cekap di Negara Brunei Darussalam.

Akhir kalam, kita mengucapkan kepada Yang Amat Arif, Yang Arif Hakim-Hakim, semua peguam

dan semua yang hadir semoga tahun 2013 ini
mendatangkan kebahagiaan, kesihatan dan
kejayaan.

وبالله التوفيق والهداية ، السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Terima kasih.